Pencalonan anugerah tokoh akademik bahasa Melayu dibuka

Oleh Saadiah Ismail - Mei 13, 2024 @ 7:06pm
saadiah_ismail@bh.com.my



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kini membuka pencalonan secara rasmi bagi Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2024 (ATABM 2024) dan Anugerah Tokoh Harapan Akademik Bahasa Melayu 2024 (ATHABM 2024), bermula hari ini hingga 12 Julai.

KPT dalam satu kenyataan berkata, turut dibuka ialah Anugerah Tokoh Bahasa Melayu Sektor Teknikal 2024 (ATBMST 2024) yang dikhaskan bagi mengiktiraf ahli akademik yang memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang teknikal di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti.

Menurut KPT, anugerah tahunan berprestij ini diadakan bagi mengiktiraf usaha dan inisiatif ahli-ahli akademik merentasi universiti awam (UA) dan institusi pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara yang mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai wahana penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan khidmat iktisas kepada masyarakat dalam pelbagai bidang ilmu, merangkumi sains sosial serta sains dan teknologi.

"Sejak penganjuran sulungnya pada tahun 2012, seramai 10 orang tokoh akademik dinobatkan sebagai penerima ATABM.

"Tahun ini, pemenang akan menerima hadiah wang tunai dengan kategori ATABM 2024 sebanyak RM30,000 manakala ATHABM 2024 dan ATBMST 2024 pula masing-masing sebanyak RM5,000 termasuk piala iringan dan sijil.

"Melalui penganugerahan ini, KPT akan terus komited dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan akan kekal memartabatkannya sebagai wahana pembangunan ilmu, penyampaian maklumat dan komunikasi di negara ini," menurut kenyataan itu.

Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, boleh layari **https://atabm.mohe.gov.my** atau hubungi pihak urus setia melalui e-mel **atabm@mohe.gov.my**